



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Yahya, M., Ainal Akmar Ahmad, Nasihah Hashim & Johari, A. (2022). Unsur konflik dalam kartun '*Aku budak Minang*': Kajian dari perspektif psikologi. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, Julai, 2022, 137 – 159. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.5>

UNSUR KONFLIK DALAM KARTUN '*AKU BUDAK MINANG*': KAJIAN DARI PERSPEKTIF PSIKOLOGI

*(Elements of Conflict in Aku Budak Minang Cartoon:
A Psychological Perspective)*

¹Maizatul Azura Yahya, ²Ainal Akmar Ahmad,
³Nasihah Hashim & ⁴Arina Johari
^{1,2,&3}Universiti Utara Malaysia
⁴Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

¹Corresponding author: maizatul@uum.edu.my

Received: 20/2/2022 Revised: 12/6/2022 Accepted: 27/7/2022 Published: 31/7/2022

ABSTRAK

Dalam konteks kehidupan, umum sedia maklum bahawa manusia tidak terlepas daripada menghadapi masalah hidup yang antara lain penyebab tercetusnya konflik. Golongan yang amat terdedah kepada konflik ialah golongan remaja. Ini kerana, remaja ialah golongan yang beremosi disebabkan jiwa golongan ini sangat mudah tersentuh sekiranya tersalah didik. Mewakili watak-watak manusia dalam realiti, setiap watak kartun yang dihasilkan merupakan cerminan daripada pandangan umum tentang perihal positif dan negatif yang berlaku dalam masyarakat. Sama seperti karya sastra yang lain, penceritaan

dalam kartun juga sedikit sebanyak turut mengetengahkan isu berkaitan konflik yang berlaku dalam kehidupan harian masyarakat yang boleh dijadikan iktibar oleh golongan remaja. Namun, kajian isu konflik dalam kartun masih kurang dilakukan. Disebabkan inilah, maka artikel ini dihasilkan untuk membicarakan tentang konflik keluarga dan masyarakat yang dipaparkan menerusi kompilasi kartun '*Aku Budak Minang*' karya popular kartunis legenda negara, Ujang. Objektif artikel ini ialah mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam kartun '*Aku Budak Minang*' daripada perspektif psikologi menggunakan teori Humanistik Abraham Maslow. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan untuk mendapatkan data yang sesuai dan bertepatan dengan objektif kajian. Hasil kajian mendapati teks kartun ini menyentuh tentang aspek konflik seperti konflik keluarga, konflik diri dan konflik rakan sebaya. Daripada penelitian yang dilakukan juga mendapati bahawa konflik yang berlaku kepada watak mampu ditangani oleh remaja yang berkonflik apabila mereka melihatnya dari sudut yang positif. Analisis yang dilakukan juga mendapati bahawa Ujang berjaya memberikan gambaran tentang masyarakat berdasarkan paparan konflik semasa dalam karyanya ini.

Kata kunci: Konflik, sastra remaja, melayu, psikologi.

ABSTRACT

*In the context of life, it is common knowledge that human beings are not spared from facing life's problems which, among others, are the cause of conflict. The most vulnerable to conflict are teenagers. This is because, teenagers are an emotional group because the soul of this group is very easily touched if wrongly educated. Representing human characters, each cartoon character produced reflects the general view of the positive and negative aspects that occur in society. Like other literary works, the storytelling of cartoons also highlights the issues of conflict in the daily life of the community that can be taught by teenagers. However, the study of conflict issues in cartoon is still lacking. Because of this, this article was produced to talk about family and community conflicts that are displayed through the compilation of cartoons '*Aku Budak Minang*' by the popular national cartoonist, Ujang. The objective of this article is to classify and analyse the elements of conflict found in the cartoon '*Aku Budak Minang*' from*

the perspective of psychology using Abraham Maslow's Humanistic Theory. This study used content analysis method and library studies to obtain appropriate data and coincide with the objectives of the study. The results of the study found that this cartoon text touches on aspects of conflict such as family conflict, self-conflict, and peer conflict. From the research done also found that the conflict that happens to the character can be dealt with by conflicted teenagers when they look at it from a positive angle. The analysis also found that Ujang managed to provide a picture of society based on the current display of conflict in his work.

Keywords: Conflict, teen literature, malay, psychology.

PENGENALAN

Apabila berbicara tentang konflik, kita tidak dapat lari daripada mengaitkannya dengan tingkah laku dan kehidupan manusia. Ini kerana konflik ialah satu elemen dalam kehidupan yang berlaku kepada seseorang manusia tidak kira di mana pun dia berada sama ada di pejabat mahupun di luar pejabat. Konflik dikatakan satu perjuangan oleh seseorang untuk mendapatkan sesuatu dalam hidupnya dan konflik juga dapat membentuk kehidupan manusia sama ada kehidupan tersebut bahagia, bergolak ataupun tenang.

Konflik akan berlaku jika terdapat perbezaan persefahaman antara dua orang atau lebih mengenai pelbagai perselisihan, ketegangan dan juga kesulitan antara pihak yang tidak bersetuju tentang sesuatu isu atau perkara. Konflik boleh mencetuskan sikap bertentangan (pertentangan) antara kedua-dua belah pihak di mana setiap pihak memandang satu sama lain sebagai lawan atau penghalang dan keadaan ini dipercayai boleh mengganggu usaha mencapai matlamat dan memenuhi keperluan masing-masing. Konflik berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya, perbezaan latar belakang kedua-dua pihak yang berkonflik, perbezaan kepentingan antara individu dalam kumpulan atau masyarakat yang semuanya saling berkaitan dalam realiti sosial yang kompleks.

Konflik menurut tafsiran Robbins dan Judge (2008), merujuk kepada sebuah proses yang dimulai ketika suatu pihak memiliki persepsi

bahawa pihak lain telah mempengaruhi secara negatif, sesuatu yang menjadi keadaan yang merupakan titik awal proses konflik. Hal yang sama juga diperkatakan oleh Thomas (1976, seperti yang dipetik daripada Nor Shafrin Ahmad *et al.* (2009) yang berpendapat bahawa konflik sebagai satu proses yang bermula apabila satu pihak menganggap satu pihak lain telah menghambur, atau akan menghamburkan satu kepentingan dirinya. Menurut Thomas (1976) lagi, definisi yang beliau kemukakan ini merangkumi jenis konflik antara individu dan dalam kumpulan.

Sementara McCollum (2009), pula berpandangan bahawa konflik merupakan fakta kehidupan yang tidak mampu dihindari oleh manusia. Daripada tafsiran tentang konflik yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji ini, umumnya konflik itu terjadi apabila wujud rasa tidak puas hati seseorang individu terhadap diri dan persekitarannya seperti keluarga, rakan, masyarakat dan isu. Konflik boleh terjadi pada sesiapa pun dan pada bila-bila masa sekalipun. Namun, bagaimana konflik itu dileraikan bergantung kepada kekuatan dan kesungguhan individu untuk mengatasinya. Diteliti dari sudut psikologi, Mahmood Nazar (1990) mengklasifikasikan konflik kepada bentuk nilai ganjaran atau hukuman kepada seseorang untuk setiap pilihan yang dilakukannya. Sementara, dalam konteks kajian sastra pula, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) berpandangan bahawa sastra dan psikologi adalah dua bidang yang saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan kerana kedua-dua bidang ini membicarakan tentang manusia dan kehidupannya. Oleh sebab itulah, kartun dikatakan sebagai salah satu daripada produk sastra kerana di dalam kartun dipaparkan cerita tentang manusia dan kehidupannya. Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh ini tentang konflik, dapat dikatakan bahawa konflik bukanlah suatu perkara negatif yang perlu dihindari kerana ada ketikanya konflik diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dialami oleh seseorang atau anggota masyarakat. Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan unsur konflik yang terdapat dalam kompilasi kartun '*Aku Budak Minang*' karya kartunis Ujang dari perspektif humanistik Abraham Maslow (1970).

Kartun memainkan peranan penting dalam masyarakat moden hari ini sebagai satu medium untuk menyampaikan idea dalam bentuk lakaran yang satirikal dan mengandungi humor. Agak berbeza dengan komik, kartun adalah media yang mudah mendapat rangsangan kerana ia

berjaya menggelikan hati pembaca dan penonton. Kebiasaannya pengisahan dan penceritaan dalam kartun berada di luar logik akal. Kartun boleh ditafsirkan sebagai sejenis lukisan yang mengisahkan hal yang berlaku sehari-hari disampaikan secara jenaka. Mat Nor Hussin dan Abdul Rahman Abdul Rashid (1988) mengatakan bahawa menerusi kartun, pelukisnya memaparkan kritikan sosial kerana fungsi kartun tidak hanya memaparkan nilai estetika yang menyeronokkan dan menghiburkan semata-mata tetapi dalam masa yang sama turut mengungkapkan kepincangan masyarakat sebagai renungan dan iktibar. Permasalahan dalam masyarakat yang dipaparkan menerusi kartun ini disulamkan pula dengan unsur jenaka atau humor yang dalam masa sama memberi kritikan berupa sindiran secara berhemah.

KARTUN ‘AKU BUDAK MINANG’

Aku Budak Minang yang dihasilkan pada tahun 1988 merupakan karya terbesar Ujang. Segala pengalaman yang dilalui oleh Ujang sejak beliau kecil hingga memasuki alam pekerjaan telah diceritakan oleh Ujang dalam karyanya ini. Mulyadi Mahamood (2010) menyifatkan kartun ‘*Aku Budak Minang*’ sebagai sebuah karya sastra visual yang menggabungkan imejan serta teks yang panjang. Namun, dengan pengolahan imejan dan teksnya yang begitu bersahaja menjadikan karya kartunis Ujang ini sesuatu yang menarik dan memikat untuk dibaca. Ditambah pula dengan lakaran Ujang yang penuh ekspresi dan emosi, menjadikan watak-watak yang digambarkan menerusi karya ini begitu ‘hidup’ dalam membawa pelbagai cerita suka dan duka. Paparan jalan cerita yang berliku, kaya emosi dan aksi adalah kekuatan karya ini. Membacanya umpama kita menyaksikan sebuah karya animasi di kaca televisyen. Pengkaji memilih *Aku Budak Minang* ini sebagai bahan kajian kerana sebagai sebuah karya sastra, komik atau kartun yang dihasilkan oleh kartunis mewakili situasi sebenar yang berlaku dalam masyarakat sekeliling. Memetik kata-kata Haslinda Mohamad Saad dan Mahani Ibrahim (2009), segala maklumat yang dilihat, dibaca, didengar serta dialami oleh pengarang sesebuah karya sastra telah menjadi rencah bernilai dalam karyanya.

Seperti karya Dato’ Lat, *The Kampung Boy* (1979), dalam ‘*Aku Budak Minang*’ ini, Ujang turut mengetengahkan karya biografi tentang kehidupan seorang anak desa sebuah kampung di daerah Kuala Pilah,

Negeri Sembilan yang dibesarkan dalam persekitaran budaya Minang. Naratif dalam karya ini bukan sahaja menarik, malah penceritaannya penuh drama, aksi serta kisah suka dan duka dalam kehidupan sebuah keluarga, kanak-kanak dan remaja. Menerusi kartun '*Aku Budak Minang*' ini juga terdapat sifat positif budaya Minang yang boleh dipelajari dan diteladani pembaca antaranya sabar, berani kerana benar, menjaga nama dan maruah, gigih berusaha, kasih pada keluarga, rakan dan kampung halaman. Mencari ilmu dan berusaha tidak mengenal batasan ruang dan waktu, meskipun terpaksa berhijrah dan merantau ke tempat orang serta kekayaan yang ditimba bukan milik sendiri, tetapi dikongsi bersama dan dibawa pulang. (Mulyadi Mahamood, 2010). Dengan menekankan konsep Minang dalam karya ini, Ujang dilihat mewujudkan unsur konflik yang menjadikan karya ini menarik untuk dibaca dan dihayati seterusnya memberi pengajaran kepada pembaca bagaimana dengan keyakinan, kepercayaan dan kasih sayang antara keluarga dapat membantu seseorang menangani konflik yang berlaku dalam hidup mereka.

KAJIAN TERDAHULU BERKAITAN KONFLIK DALAM KARYA SASTERA

Menelusuri kajian berkaitan konflik dalam karya sastra, pada dasarnya penelitian tentang konflik dalam kartun belum begitu banyak dilakukan. Kebanyakan kajian konflik dalam karya sastra melibatkan kajian konflik dalam novel dan drama atau filem.

Kajian konflik dalam drama boleh dilihat menerusi kajian oleh Nurhayati Diana Musa (2015). Dalam kajian ini, pengkaji berusaha untuk mengenal pasti aspek konflik yang terdapat dalam drama karya Shahrarom Hussain. Menggunakan pendekatan konflik Morton Deustch (2006) dan model R. Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (2013), penganalisisan konflik dalam drama-drama Shahrarom Hussain ini dikesan melalui dialog, watak perwatakan, pemerian penceritaan dan latar. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa aspek konflik kekuasaan yang terdapat dalam drama-drama Shahrarom Hussain meliputi persoalan konflik permusuhan dalam kalangan pembesar, konflik penyalahgunaan kuasa, konflik mempertahankan kuasa dan konflik perebutan kuasa. Sementara dalam konteks konflik kemasyarakatan pula, persoalan konflik yang dikemukakan adalah

berhubung konflik mempertahankan adat dan kepercayaan, konflik percintaan, konflik perjuangan, konflik kekeluargaan dan konflik kepercayaan terhadap Tuhan. Manakala untuk persoalan konflik status atau kedudukan pula, kajian yang sama dijalankan mendapati bahawa ianya merangkumi konflik penindasan dan konflik ketidaksetaraan taraf.

Sementara kajian konflik dalam novel pula paling kerap dilakukan melibatkan pengkaji dari Malaysia mahupun Indonesia. Kajian konflik dalam novel di Indonesia dapat dilihat dalam kajian oleh pengkaji-pengkaji antaranya Margaretha Erwina Sipayung (2016) dan Arum Rizka Nursantari (2018). Kajian oleh Margaretha Erwina Sipayung (2016) meneliti konflik sosial yang terdapat dalam novel *Maryam* karya Okky Madasari menggunakan pendekatan sosiologi sastra dan dapatan kajiannya menunjukkan bahawa konflik sosial yang terdapat dalam novel *Maryam* ini meliputi konflik pengecualian, pengusiran, penghinaan dan perkelahian. Kajian yang sama juga mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi terjadinya konflik sosial adalah masyarakat yang terdiri daripada sejumlah kumpulan sosial yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza antara satu sama lain, perbezaan hidup (kemiskinan), migrasi masyarakat, dan konflik sosial lain yang menyebabkan konflik sosial. Kajian oleh Arum Rizka Nursantari (2018) juga masih membicarakan tentang konflik sosial dalam novel. Namun, Arum Rizka Nursantari meneliti konflik sosial dalam novel *O* karya Erka Kurniawan menggunakan teori konflik sosial Lewis A. Coser (1975). Dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa konflik sosial yang berlaku dalam novel *O* kebanyakannya ialah konflik realistik yang disebabkan oleh perbezaan antara dua kumpulan atau dua individu yang dianggap saling mengecewakan.

Di Malaysia, antara pengkaji yang mengkaji kajian konflik dalam novel ialah Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) dan Rosnani Md. Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2018). Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) telah menganalisis unsur konflik dalam tiga novel bertemakan keremajaan iaitu novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995) dari perspektif teori humanistik Abraham Maslow (1970). Hasil kajian ini mendapati bahawa unsur konflik yang terdapat dalam ketiga-tiga novel remaja

tersebut menyentuh tentang aspek konflik seperti konflik dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik rakan sebaya.

Sama seperti kajian oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016), kajian oleh Rosnani Md. Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2018) turut menggunakan pendekatan teori humanistik Abraham Maslow (1970). Daripada penelitian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa novel *Nenek* menyentuh beberapa aspek konflik seperti konflik individu, politik, ekonomi dan keluarga. Kajian yang sama juga mendapati bahawa pengarang novel iaitu Razali Endun berjaya memberikan gambaran tentang masyarakat kontemporari berdasarkan paparan konflik semasa dalam novelnya.

Selain kajian konflik dalam novel, drama ataupun filem, kajian konflik dalam karya sastra lain ialah cerita rakyat seperti mana kajian yang dilakukan oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014). Menurut Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014), “sejarah masa lalu telah membuktikan bahawa karya sastra khususnya cerita rakyat banyak digunakan sebagai wadah untuk mengajar pelbagai keperluan hidup, memberikan ajaran moral, etika dan pandangan kehidupan, semangat berjuang dan juga nilai-nilai budaya hidup bermasyarakat. Justeru, pemaparan konflik hidup seperti ini sangat mendukung kepada proses pembentukan personaliti diri atau *character building* kanak-kanak lewat paparan sikap dan perilaku tokoh cerita, termasuk pelbagai motivasi yang dilatari oleh keadaan sosial budaya tokoh tersebut.”

Kajian ini menunjukkan bahawa personaliti individu khususnya kanak-kanak dapat dibentuk daripada persekitaran mereka melibatkan apa yang mereka lihat, baca dan pelajari. Kanak-kanak di usia 9 hingga 12 tahun sudah mampu berfikir dan membuat keputusan berdasarkan pengalaman yang mereka lihat dan lalui sendiri bersesuaian dengan perkembangan psikologi mental-emosi yang mereka peroleh di peringkat ini. Malah, dalam kajian yang sama juga, Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014) berpandangan bahawa “kegiatan membaca, memahami dan merenungkan inti pati cerita rakyat akan menemukan kanak-kanak tentang budaya bersikap, berfikir, berasa dan bertindak masyarakat Melayu dahulu yang antaranya masih boleh diadaptasikan dalam kehidupan seharian mengikut konteks zaman moden kini.”

Daripada analisis kajian terdahulu yang dihuraikan di atas, pengkaji mendapati bahawa kajian konflik dalam karya sastra seperti filem, drama, novel dan cerita rakyat namun tidak banyak kajian berkenaannya dalam kartun. Kurangnya kajian berkaitan konflik dalam kartun seperti yang terdapat dalam kajian terdahulu ini memberi ilham kepada pengkaji untuk menganalisis unsur konflik dalam kartun kerana sama seperti karya sastra yang lain, selain berfungsi untuk mengkritik dan menceritakan perihal yang berlaku dalam masyarakat dan persekitarannya, kartun juga turut berperanan sebagai alat untuk mendidik masyarakat khususnya golongan kanak-kanak dan remaja yang umumnya pembaca utama karya ini. Secara tidak langsung, dengan mengetengahkan unsur konflik dalam kartun, seseorang kartunis bukan sahaja menambah rencah dalam penceritaannya tetapi pada masa yang sama memberi pengajaran kepada pembaca khususnya golongan remaja dan kanak-kanak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan dan juga kaedah kepustakaan. Kaedah kualitatif dipilih kerana kajian ini secara khususnya akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam kompilasi kartun yang dikaji untuk melihat unsur konflik yang diutarakan oleh kartunis. Bogdan dan Taylor (dalam Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2016) mendefinisikan kaedah kualitatif sebagai “prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata bertulis atau lisan dari orang yang berperilaku dan perilaku yang diperoleh.” Kaedah analisis kandungan ini digunakan dengan tujuan untuk memungut data utama bagi mencari jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan dalam kajian ini iaitu berkaitan unsur konflik yang terdapat dalam kartun *‘Aku Budak Minang’*. Kaedah analisis kandungan ini membolehkan kajian dijalankan secara lebih objektif dan sistematik dilakukan ke atas naskhah kartun *‘Aku Budak Minang’* oleh kartunis Ujang yang dipilih sebagai sampel.

Penggunaan kaedah analisis kandungan dalam kajian ini dianggap perlu kerana ia dapat melihat teks yang dikaji sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif. Ini sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Mayring (2015) dan Hsieh dan Shanon iaitu

analisis kandungan mempunyai kelebihan dalam meneliti isi media berdasarkan *context* dan *process*. Aspek konteks dilihat menerusi isi kandungan utama secara tersirat (*latent content*) manakala aspek proses melibatkan proses interpretasi teks yang dilakukan secara teliti dan berulang kali. Selain analisis kandungan, kaedah lain yang digunakan ialah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini dilakukan dengan merujuk kepada bahan-bahan rujukan lain seperti buku, jurnal, majalah, akhbar dan artikel dari Internet yang berkaitan dengan kajian ini. Menurut Mohd. Shaffie Abu Bakar (dalam Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid, 2016), “kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji.” Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kosa ilmu yang berkaitan dengan konflik khususnya yang melibatkan kajian konflik dalam karya sastra.

Selain kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan yang dilakukan, pengumpulan data juga merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian. Bagi mengukuhkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji turut memastikan data yang mencukupi diperoleh untuk tujuan analisis. Sampel yang digunakan untuk kajian ini ialah kompilasi ‘*Aku Budak Minang*’. Kartun-kartun yang disiarkan dalam kompilasi ini yang mengandungi unsur-unsur konflik dipilih sebagai data primer kajian. Seperti yang diterangkan oleh Mohd. Shaffie Abu Bakar (dalam Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid, 2016), “persampelan merupakan satu proses yang melibatkan sebahagian kecil daripada keseluruhan populasi yang dipilih dan dikaji bagi membolehkan pengkaji membuat satu generalisasi berkaitan populasi tersebut. Persampelan juga melibatkan penyelidikan terhadap sampel kajian bagi mewakili keseluruhan populasi kajian.” Oleh itu, pengkaji perlu menentukan jumlah sampel yang dipilih sesuai serta tepat untuk kajian yang dilakukan. Langkah pertama yang dilakukan ialah mengenal pasti kartun-kartun yang diperlukan dalam kajian ini iaitu kartun yang mengandungi unsur konflik yang jelas. Langkah berikutnya yang dilakukan adalah menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam kompilasi kartun ‘*Aku Budak Minang*’ ini menggunakan pendekatan humanistik Abraham Maslow (1970).

TEORI HUMANISTIK ABRAHAM MASLOW (1970)

Teori humanistik yang diperkenalkan oleh Abraham Maslow iaitu seorang ahli psikologi terkenal pada tahun 1943 memberi tumpuan kepada aspek kesediaan moral dan juga potensi manusia. Teori *humanistik* yang diperkenalkan oleh Maslow ini memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan manusia secara individu dan juga kaitannya dengan persekitaran. Selain itu, teori *humanistik* Maslow juga turut memfokuskan aspek kesedaran sendiri dalam diri individu, keunikan diri dan kepentingan manusia lain terhadap individu dan berasaskan inilah, maka teori humanistik ini meletakkan manusia sebagai paksi utama dan pembuat keputusan (Azizi Yahaya, 2005 & Maslow, 1943).

Menurut Maslow, pembangunan manusia berkait rapat dengan pembangunan tahap keperluan manusia dan berdasarkan pandangan inilah Maslow memperkenalkan hierarki keperluan manusia (1908-1970). Menerusi hierarki keperluan manusia yang diperkenalkan ini, Maslow berpandangan bahawa individu berintegrasi untuk mengalami proses penyusunan secara keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa teori yang diperkenalkan oleh Maslow ini mempunyai perkaitan dengan aspek personaliti dan menitikberatkan andaian yang bersifat motivasi.

Manusia dikatakan mempunyai perasaan ideal dan tujuan dan kedua-dua faktor ini sangat penting diketahui untuk memahami tingkah laku manusia. Menurut Maslow lagi, keperluan manusia terbahagi kepada dua kategori iaitu keperluan manusia kepada harga diri dan keperluan untuk dihargai oleh orang lain. Individu yang memenuhi keperluan harga diri akan lebih percaya kepada diri sendiri dan lebih produktif. Sebaliknya, individu yang tidak memiliki atau kurang harga diri akan diselubungi oleh rasa rendah diri yang akan menimbulkan rasa putus asa dan tingkah laku yang tidak baik (Maslow, 1954).

Maslow juga berpandangan bahawa sebahagian keperluan dalam individu akan mendorong individu tersebut untuk menggerakkan serta mengarahkan sikap serta keperluan mereka untuk di pamer dan ditunjukkan kepada orang lain. Hierarki keperluan yang diperkenalkan oleh Maslow ini terbahagi kepada lima tahap seperti dalam rajah 1 berikut:

Rajah 1

Hierarki Keperluan Maslow



Pada tahap pertama iaitu keperluan fisiologi dalam hierarki keperluan ini, Maslow menegaskan bahawa kehendak pada tahap ini seperti keperluan tempat tinggal, makanan, minuman dan pakaian perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum kehendak-kehendak lain dipenuhi. Kehendak ini perlu dipenuhi terlebih dahulu bagi membolehkan manusia hidup dengan sempurna dan selesa. Pada tahap kedua iaitu keperluan keselamatan perlu dicapai pula bagi membolehkan manusia meneruskan kelangsungan hidup. Manusia akan terikat pada kedudukan serta kerap mempamerkan sikap negatif apabila wujud rasa tidak tenang, bimbang dan takut dalam diri mereka. Tahap ini penting untuk menjamin kesejahteraan hidup yang bukan sahaja meliputi aspek keselamatan fizikal tetapi turut meliputi aspek rohani dan emosi (Maslow, 1970).

Setelah keperluan pada tahap pertama dan kedua diperolehi, tahap ketiga dalam hierarki keperluan Maslow pula ialah keperluan kasih sayang. Pada tahap ini, manusia memerlukan hubungan kasih sayang dan keinginan untuk diterima kehadirannya daripada ibu bapa, keluarga, rakan, masyarakat dan sebagainya. Untuk mencapai kepuasan pada tahap ini, manusia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang diinginkan melibatkan penerimaan orang di sekelilingnya.

Seterusnya, setelah mencapai tahap ketiga ini, manusia akan menuju ke tahap seterusnya, iaitu tahap keperluan penghargaan sendiri. Pada tahap ini, setiap manusia ingin dirinya dihargai atas segala pencapaian atau aktiviti yang telah dilakukan. Pada tahap ini juga manusia perlukan rasa hormat yang boleh diterima dalam bentuk pengiktirafan, pemasyhuran, penghargaan dan kebesaran. Pada tahap terakhir dalam hierarki keperluan Maslow ini adalah keperluan kesempurnaan sendiri. Pada tahap ini, pencapaian intelek, estetika dan penyempurnaan sendiri akan tercapai apabila keperluan kekurangan dipenuhi. Setiap manusia akan cuba merealisasikan kebolehan mereka agar dapat menjadi manusia yang sempurna.

Sehubungan itu, Maslow berpendapat bahawa manusia perlu memenuhi kesemua kehendak dan keperluan seperti yang diterangkan dalam hierarki ini untuk mengenal pasti potensi diri. Oleh yang demikian, manusia adalah disarankan untuk melihat konflik yang dihadapi dari sudut yang positif agar mereka dapat mengenal potensi yang ada pada diri masing-masing. Dalam hal ini, Maslow percaya bahawa setiap individu akan terus memperbaiki diri untuk sampai ke tahap yang memuaskan.

Daripada huraian tentang teori humanistik Abraham Maslow (1970) ini, dapat dilihat bahawa teori ini mampu menjelaskan tentang keunikan yang terdapat pada seseorang individu selain turut memperkenalkan kaedah berkesan yang boleh digunakan untuk membantu masyarakat mengenal pasti kelemahan serta meningkatkan potensi diri. Malah, konflik juga jika dilihat dari sudut yang positif turut membantu masyarakat mengenal potensi diri. Teori humanistik Abraham Maslow (1970) ini menganggap motivasi sebagai suatu yang kompleks melibatkan tingkah laku luaran yang diperlihatkan oleh manusia dan semua perkara yang berlaku di persekitarannya termasuklah pemilihan bahan bacaan yang tepat akan membantu manusia untuk terus bermotivasi.

Pemilihan teori ini sebagai pendekatan untuk membincangkan unsur konflik yang terdapat dalam kartun '*Aku Budak Minang*' ini dianggap tepat kerana Maslow berpendapat manusia seharusnya memenuhi setiap keperluan dan kehendak mereka bermula dari tahap awal atau permulaan sehinggalah ke tahap paling maksimum. Malah, Maslow juga percaya bahawa setiap individu akan terus memperbaiki diri

sehingga ke tahap yang memuaskan. Justeru, tahap dalam hierarki keperluan Maslow ini akan digunakan untuk menyokong hujah dalam perbincangan dapatan kajian ini.

UNSUR KONFLIK DALAM ‘AKU BUDAK MINANG’

Sama seperti produk sastra yang lain, jalan cerita yang dipersembahkan dalam kartun turut mengandungi unsur konflik. Tanpa konflik, jalan cerita sesebuah karya sastra itu dikatakan kurang cukup rencahnya. Begitu juga dengan kartun ‘*Aku Budak Minang*’ karya kartunis Ujang. Daripada analisis yang dilakukan, didapati dalam kartun ‘*Aku Budak Minang*’ terdapat beberapa unsur konflik diketengahkan oleh kartunis Ujang iaitu konflik remaja dengan diri, konflik dengan keluarga dan konflik dengan rakan sebaya.


Konflik Remaja dengan Diri

Konflik diri merujuk kepada konflik bersifat persendirian atau konflik dalam diri sendiri disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti keperluan untuk membuat pilihan yang melibatkan banyak alternatif dan terpaksa memilih antara beberapa alternatif yang bersesuaian sama ada positif mahupun negatif. Menurut Mana Sikana (2004), konflik diri merujuk kepada pertentangan peribadi dan dalaman (bersifat kejiwaan) dalam diri manusia apabila terpaksa memilih satu antara dua pilihan yang ada. Sementara Rahman (1985) pula mengatakan bahawa konflik diri merujuk kepada keadaan kekacauan jiwa yang berlaku disebabkan oleh masalah-masalah tertentu.

Daripada analisis yang dilakukan dalam kartun ‘*Aku Budak Minang*’ konflik diri dilihat berlaku pada watak utamanya iaitu Ujang. Ujang dalam kartun ini digambarkan sebagai budak lelaki nakal yang sering dimarahi keluarga terutama ibunya walaupun kadang-kadang kesalahan yang dilakukannya hanyalah kesalahan kecil. Akibat sering di marah dan dipukul untuk setiap kesilapan yang dilakukan, Ujang sering melepaskan geramnya dengan bergaduh dan bertumbuk dengan rakan-rakan ketika di sekolah. Ada ketikanya juga Ujang dilihat mempersoalkan kenapa ibunya sering memukulnya sehingga lebam dan berbirat seluruh badan seperti yang dapat dilihat pada gambar 1 dan 2 di bawah.

Gambar 1

Konflik diri Ujang dalam 'Aku Budak Minang'



Gambar 2

Konflik diri Ujang dalam 'Aku Budak Minang'



Daripada gambar 1 dan 2 jelas menunjukkan Ujang mengalami konflik dengan dirinya apabila sering di marah dan dipukul oleh ibunya. Kesedihan yang dirasakan oleh watak kartun ini, bukan setakat dapat dilihat pada lakaran imej kartun dalam kedua-dua gambar di atas, tetapi turut disertakan dalam teks yang mengiringi imej. Ayat “Air mataku mengalir bukan kerana sakitnya rotan yang hinggap di tubuh.... Tetapi

memikirkan tak penatkah, atau tidak jemukah mak memukul aku sejak dari kecil?” yang terdapat dalam gambar di atas jelas menggambarkan perasaan sedih seorang anak apabila dia sering dipukul sedari kecil. Perasaan sedih yang dirasakan ini mendorong kepada wujudnya konflik diri. Konflik seperti ini sering berlaku kepada remaja apabila perasaan mereka sering tercalar akibat menerima tekanan yang melampau.

Dilihat dari sudut psikologi, apa yang ingin disampaikan oleh Ujang ialah seorang anak perlukan belaian dan kasih sayang daripada keluarga terutama ibunya dan teguran berhemah bukannya pukulan yang menyakitkan. Jika keperluan ini tidak dapat dipenuhi, mereka cenderung untuk berkonflik dan seterusnya melakukan tindakan yang negatif. Menurut Maslow (1970), jika keperluan kasih sayang dapat diterima secukupnya seseorang individu itu akan lebih positif dan berkeyakinan. Malah, seseorang yang menerima cukup kasih sayang khususnya daripada keluarga akan lebih berjaya dalam hidup berbanding mereka yang kurang mendapat kasih sayang keluarga. Kajian Montemayor dan Hanson (1985), menunjukkan punca konflik antara kanak-kanak dan remaja dengan ibu bapa biasanya berkait rapat dengan isu interpersonal. Kekurangan dan gangguan interaksi yang berkesan di antara ibu bapa dengan anak-anak akan menyebabkan jiwa kanak-kanak dan remaja memberontak dan sekiranya terus dibiarkan akan mendorong mereka bertingkah laku devian. Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Barnes dan Olson (1985) iaitu komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak-anak akan mengeratkan hubungan kekeluargaan, wujud kasih sayang dan proses penyelesaian masalah akan berlaku dengan mudah.

Konflik Keluarga

Keluarga merujuk kepada seisi rumah yang terdiri daripada suami isteri serta anak-anak. Asmak (dalam Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2016) menyatakan ibu bapa merupakan orang yang terpenting dalam sesebuah keluarga. Mereka memainkan peranan utama dalam mencorakkan masa depan keluarga. Anak-anak diibaratkan sebagai kain putih, manakala ibu bapa yang akan mencorakkan mereka. Konflik antara ibu bapa dan anak-anak boleh timbul apabila anak-anak mencapai umur remaja dan boleh berdikari sendiri.

Konflik remaja dengan keluarga dalam kartun ‘*Aku Budak Minang*’ ini digambarkan oleh Ujang berlaku antara anak dengan ibu. Dalam

kartun '*Aku Budak Minang*', ibu Ujang digambarkan sebagai seorang ibu yang suka berleter, pemaarah dan sering memukul Ujang apabila Ujang melakukan kesalahan. Ada sahaja tindak-tanduk Ujang yang tidak kena di mata ibunya. Malah ada ketikanya ibu Ujang membanding-bandingkannya dengan anak orang lain. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Besoknya aku balik ke rumah jalan kaki aje...Ada la dekat tiga batu. Dan seperti yang aku dah agak – mak berkhutbah cukup panjang. Punya la sakit telinga...tapi aku diam aje le, dah memang salah aku. Tapi leter mak makin menjadi-jadi. Mak membanding-bandingkan aku dengan anak-anak jiran yang kononnya lebih senang diajar. Dengar cakap mak bapak. Tak macam aku. Jahat, degil, suwey, menyusahkan orang tua...pun aku boleh sabar lagi. Tapi bila mak cakap aku anak derhaka, bawak sial...Aku cukup tak tahan, mau rasanya menjawab leteran mak...Tapi aku teringat ustaz cakap – berdosa lawan mak bapak.”

(*Aku Budak Minang*, hlm. 32)

Selain itu, konflik remaja dengan keluarga dalam kartun '*Aku Budak Minang*' ini dapat dikesan melalui konflik yang berlaku di antara Ujang dengan adiknya Aca. Konflik di antara Ujang dengan adiknya Aca bermula sejak kecil apabila Ujang beranggapan kelahiran Aca menyebabkan kasih sayang keluarganya kepada Ujang beralih arah kepada Aca. Kerana cemburu dengan kehadiran adiknya itu, Ujang sering mengganggu dan menyakat adiknya menyebabkan Ujang akhirnya dimarahi dan dipukul oleh ibunya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Belakangku terasa pedih. Bukan sekali dua ‘libasan pari’ buatan tangan mak aku terima..., dah naik kematu kulit belakangku. Belum hilang lebam bekas cubitan..., ditambah pulak dengan calar-balar bekas rotan...Aku pun heran. Sebelum adikku lahir..., tak ‘penah’ pun aku kena rotan sampai camni.”

(*Aku Budak Minang*, hlm. 10)

Konflik di antara Ujang dengan Aca juga sering terjadi kerana sikap Aca yang suka mengadu kepada ibu mereka tentang semua perbuatan Ujang menyebabkan Ujang dipukul oleh ibunya seperti dalam gambar

3 di bawah. Tidak dinafikan apabila terdapat adik-beradik yang suka mengadu domba dalam sesebuah keluarga, sedikit sebanyak akan menggugat hubungan kekeluargaan. Hal ini jika dibiarkan berterusan tanpa dibendung cenderung menyebabkan persengketaan yang berpanjangan.

Gambar 3

Konflik keluarga dalam ‘Aku Budak Minang’



Berdasarkan kepada contoh pada gambar 3 di atas jelas menunjukkan kartunis menerapkan konflik yang berlaku kepada watak-wataknya. Konflik yang dipaparkan ini dalam kartun ini merupakan konflik yang sering kali terjadi dalam realiti kehidupan masyarakat kita. Jika ditinjau dari sudut psikologi, sekiranya berlaku sikap pilih kasih dan suka mengadu dalam kalangan ahli keluarga akan menyebabkan timbulnya konflik dan berlaku perbalahan. Apabila ini berlaku, hubungan kekeluargaan akan menjadi renggang. Lantaran itu, menurut Maslow (1970) keperluan kasih sayang, keselamatan dan penghargaan itu amat penting lebih-lebih lagi di peringkat kanak-kanak menuju ke peringkat remaja. Ini kerana pada ketika ini, mereka akan mula memberontak dan mula berasa tidak selamat terutama dari aspek kasih sayang keluarga yang mungkin beralih apabila menerima kehadiran ahli baru.

Konflik Dengan Rakan Sebaya

Analisis seterusnya mendapati dalam kartun '*Aku Budak Minang*' ini turut menerapkan elemen konflik dengan rakan sebaya. Kita sedia maklum bahawa remaja dengan pengaruh rakan sebaya tidak boleh dielakkan. Ini kerana, pada peringkat remaja, seseorang individu itu akan mudah terpengaruh dengan individu yang lain. Pada peringkat remaja juga, individu akan rapat dengan rakan sebaya selain keluarga. Ada juga keadaan di mana remaja lebih mempercayai rakan sebaya berbanding keluarga sendiri. Masalah komunikasi, kurang fahaman tentang bahasa, budaya dan agama juga menyebabkan berlakunya konflik dengan rakan sebaya. Dalam kartun '*Aku Budak Minang*' ini, konflik dengan rakan sebaya dapat dilihat seperti dalam petikan berikut:

“Dah hampir 2 bulan kat ‘Kolumpo’, aku semakin betah dengan kehidupan di bandaraya ini... ‘Member’ pun makin ramai, tapi kebanyakannya kutu lepak le....Ye la pun..., takkan aku nak berkawan dengan pegawai bank kot, mana layak. Kerja aku tiap-tiap hari bersidai lekat kompleks-kompleks membeli-belah, kacau-kacau awek yang lalu. Tak pun kalau ada ‘sen’ sikit – pegi main ‘billiard’ kat ‘pertama kompleks’. Bila malam Minggu lak ikut Abang Joe pegi ‘race motor’ – Bertaruh secara kecil-kecilan, dapat gak cari duit poket....”

(*Aku Budak Minang*, hlm. 70)

Daripada petikan di atas dapat dilihat konflik dengan rakan sebaya dalam kartun '*Aku Budak Minang*' apabila Ujang lari membawa diri ke Kuala Lumpur. Dapat dilihat dalam petikan di atas Ujang mula terlibat dengan kegiatan yang tidak berfaedah seperti bergaul dan melepak dengan kutu lepak, mengacau wanita dan terlibat juga dalam lumba haram. Konflik yang dipaparkan ini merupakan konflik yang secara realitinya berlaku kepada remaja dari kampung yang datang ke kota besar seperti Kuala Lumpur. Kerana kurang pengetahuan dan salah memilih rakan menyebabkan mereka terjerumus dalam kegiatan yang tidak berfaedah.

Seperti yang diperkatakan oleh Arief Salleh dan Wardah (2005) pemilihan rakan sebaya yang baik akan membentuk peribadi yang baik manakala rakan sebaya yang tidak berakhlak akan mempengaruhi

akhlak yang tidak baik. Jika dilihat dari sudut psikologi, Ujang didapati mempunyai rasa rendah diri kerana beranggapan dengan kelulusannya yang tidak seberapa tidak melayakkan dia berkawan dengan mereka yang berjawatan seperti yang dinyatakan dalam ayat ini “*Ye la pun..., takkan aku nak berkawan dengan pegawai bank kot, mana layak.*” Ini bertepatan dengan pandangan Maslow (1970) yang mengatakan bahawa setiap manusia punya keinginan dan kehendak untuk disayangi dan dihargai. Oleh itu mereka akan memilih untuk bersama dengan manusia lain yang boleh menerima mereka seadanya.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil penelitian konflik dan resolusi ke atas kartun ‘*Aku Budak Minang*’ yang dikaji ini, dapatlah disimpulkan bahawa naratif yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan hidup yang telah dilalui masyarakat remaja kini. Konflik yang hadir dalam kartun ‘*Aku Budak Minang*’ ini ialah konflik diri, konflik dengan keluarga dan konflik dengan rakan sebaya. Hal ini dapat disimpulkan bahawa konflik diri dan konflik dengan keluarga dilihat sebagai konflik yang dominan dihadapi oleh watak Ujang dalam kartun ‘*Aku Budak Minang*’ ini. Hal ini kerana, apabila berdepan dengan konflik bersama keluarga menyebabkan remaja mudah mengambil tindakan melulu seperti lari dari rumah tanpa memikirkan kesan daripada perbuatan tersebut. Tuntasnya, konflik merupakan sesuatu yang normal berlaku dalam kehidupan. Namun, apa yang sewajarnya dilakukan oleh remaja ialah memilih penyelesaian yang bijak untuk mengatasi konflik yang dihadapi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kesemua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Arief Sallah Rosman & Wardah Mokhtar. (2005). *Remaja Sukses: 13 formula hidup sukses untuk remaja*. PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Arum Rizka Nursantari. (2018). Konflik sosial dalam novel *O* karya Eka Kurniawan (Kajian konflik sosial Lewis A. Coser). *BAPALA*, 5 (2), 1-7.
- Barnes, H. L. & Olson, D. H. (1985). Parent-adolescent communication and the circumplex model. *Child Development*, 56. 438-447. <https://doi.org/10.2307/1129732>
- Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Unsur konflik dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 6 (1), 52-63.
- Haslinda Mohamad Saad & Mahani Ibrahim. (2008). *Etnografi komunikasi dalam novel Seteguh Karang*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Kanak-kanak di UPM, Serdang pada 12-13 November 2009.
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, 15, 1277-1288. <http://dx.doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mana Sikana. (2004). *Proses penulisan kreatif*. Singapura: EDN Media.
- Margaretha Erwina Sipayung. (2016). Konflik sosial dalam novel *Maryam* karya Okky Madasari: Kajian sosiologi sastra. *Jurnal Ilmiah Kebudayaan SINTESIS*, 10 (1), 22-34.
- Maslow, A.H. (1970). *Motivation and personality* (2nd Edition). Harper & Row Publisher.
- Mat Nor Hussin, & Ab. Rahman Ab. Rashid. (1988). *Alat bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa*. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mayring, P. (2015). Qualitative content analysis: Theoretical background and procedures. In A. Bilker-Ahsbahs, C. Knipping, & N. Presmeg. (Eds.). *Approaches to qualitative research in mathematics education: Examples of methodology and methods*. (pp. 365-380). Switzerland: Springer.
- McCollum, S. (2009). *Managing conflict resolution: Character education*. New York: Chelsea House.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Montemayor, R. & Hanson, E. (1985). A naturalistic view of conflict between adolescents and their parents and siblings. *Early Adolescence*. 5(1). 23-30.
- Muliyadi Mahamood. (2010). *Dunia kartun menyingkap pelbagai aspek seni kartun dunia dan tempatan*. Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan konflik dalam cerita rakyat Nusantara abad ke-19. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4 (2), 37-43.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Nor Shafrin Ahmad, Zainal Ariffin Ahmad, Mohamad Hashim Osman & Susie See Ching Mey (2009). *Pengenalan kepada konflik, amarah, stress dan krisis dalam organisasi*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nurhayati Diana Musa. (2015). *Konflik-konflik dalam drama Shaharom Hussain*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Robbins, S. P & Judge, T. (2008). *Essentials of organizational behavior* (9th Editions). UK: Pearson.

- Rosnani Md. Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2018). Unsur konflik dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. *Malay Literature*, 31(1), p. 124-142. ISSN 2682-8030.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan kesannya kepada kanak-kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185 - 206. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1201>
- Ujang. (2010). *Aku budak Minang*. Creative Enterprise Sdn. Bhd.